

16 OCT 1996

CUEPACS PERCAYA PERJUMPAAN DENGAN PM AKAN BAWA HASIL

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Malaysia (CUEPACS) percaya perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan beberapa tuntutan kongres itu akan membawa hasil walaupun tarikhnya belum ditetapkan.

Setiausaha Agung CUEPACS, N. Siva Subramaniam hari ini berkata, kesudian Dr Mahathir berjumpa dengan kongres itu menunjukkan beliau mengambil berat akan masalah pekerja sektor awam.

"Kesudian PM itu menunjukkan sikapnya yang ingin mengetahui perkara sebenar yang dihadapi pekerja dan perkara itu sukar berlaku di negara-negara lain," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas persetujuannya untuk berjumpa dengan CUEPACS dan juga kepada Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek yang mengatur perjumpaan itu.

Siva mengulas kenyataan Lim hari ini bahawa Dr Mahathir bersetuju mengadakan perjumpaan dengan CUEPACS tetapi tarikhnya bergantung kepada Perdana Menteri.

Perkara yang akan dibincangkan pada perjumpaan itu ialah peranan kesatuan sekerja dalam menjayakan konsep Persyarikatan Malaysia serta tiga tuntutan iaitu berhubung perkiraan pencen, Imbuhan Tetap Perumahan dan perlaksanaan pergerakan gaji Matriks. -- BERNAMA

RHM PR